

Chu Sian, Mun Yee ungguli anugerah MASUM

KUALA TERENGGANU - Universiti Putra Malaysia (UPM) men-dominasi beberapa kategori utama Anugerah Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2011 termasuk olahragawan dan olahragawati terbaik.

Mereka adalah jaguh sukan memanah negara, Cheng Chu Sian yang dinobatkan sebagai olahragawan terbaik MASUM 2011 manakala penerjun negara, Leong Mun Yee muncul olahragawati terbaik.

Kemenangan itu membolehkan Chu Sian dan Mun Yee masing-masing membawa pulang RM3,000 berserta piala iringan

dan sijil penghargaan.

Dua lagi atlet dari UPM iaitu Teagarajan Kumarakaran dan Nurfarah Afiqah Mohd. Taufek, masing-masing merangkul anugerah bintang harapan lelaki dan bintang harapan wanita.

Bagi anugerah tokoh sukan Masum pula, ia menjadi milik Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Omar Osman.

Beliau juga merupakan bekas Presiden ASEAN University Sports Council (AUSC).

Hadiah disampaikan oleh Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin di De-

wan Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI) di sini, semalam.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Sultanah Nur Zahirah.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab. Rahim Md. Noor dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mazlan Ngah.

Selain itu, Pengurus Masum merangkap Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Madya Datuk Dr. Kassim Md. Mansur dan Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu, Profesor Dr. Yahaya Ibrahim.